

Konsep COT Politeknik

Konsep COT politeknik diadaptasi daripada konsep Pusat Kecemerlangan atau *Centre of Excellence* (COE) yang dibangunkan di universiti. Sebagai contoh di Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Kecemerlangan ditakrifkan sebagai pusat pengembangan ilmu yang menggabungkan kepakaran dan kemahiran daripada pelbagai bidang untuk menjalankan penyelidikan yang asli dan rintis bagi memberikan kepimpinan ilmu dalam membentuk penggubalan dasar dan pembangunan teknologi kepada masyarakat di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Pusat kecemerlangan adalah dalam pelbagai bentuk iaitu Makmal Penyelidikan / Pusat Penyelidikan / Institut Penyelidikan / Pusat Perkhidmatan.

COT di politeknik pula merupakan sebuah pusat di mana ilmu pengetahuan dan juga teknologi dalam bidang tujuhan di politeknik digunakan atau di aplikasi melalui:

- Pemberian Perkhidmatan Kepakaran.
- Pelaksanaan Penyelidikan Dan Inovasi.
- Peningkatan Kecemerlangan Pengajaran Dan Pembelajaran.

COT juga berfungsi sebagai pusat rujukan dalam bidang tujuhan yang memberi manfaat dan kesejahteraan kepada komuniti masyarakat dan industri berkaitan.

Secara umumnya COT politeknik adalah sebuah pusat yang mengembeleng pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh warga politeknik dalam bidang tujuhan tertentu serta memperkembangkan pengetahuan, perkongsian kepakaran dan amalan terbaik melalui kerjasama strategik dengan sektor industri, awam dan akademia demi menghasilkan impak maksima kepada kecemerlangan organisasi dan graduan politeknik.


Konsep COT politeknik dapat dijelaskan berdasarkan Rajah 1 di mana bulatan di bahagian tengah rajah mewakili elemen atau aktiviti teras COT iaitu;

- Perkhidmatan Kepakaran (Expert Services - ES),
- Penyelidikan & Inovasi (Research and Innovation - R&I), dan
- Pengajaran & Pembelajaran (Teaching and Learning - T&L),

manakala 4 elemen lain mengelilingi bulatan iaitu;

- Kolaborasi (*Collaboration*),
- Penerbitan (*Publication*),
- Pengiktirafan (*Recognition*), dan
- Pendapatan (*Income*),

mewakili elemen penting untuk melihat kekuatan dan kejayaan sesebuah COT politeknik.



Rajah 1 : Konsep COT Politeknik